



Pengunjung manfaatkan hari terakhir KUD@KPLB Putrajaya 2019.

[Foto Ahmad Irham Mohd Noor/BH]

NEW SUNDAY TIMES 22/11/2019 ms 11

Kerajaan bantu perkasa produk berdasarkan coklat

Putrajaya: Bantuan dan tunjuk ajar agensi kerajaan membolehkan pasaran produk berdasarkan coklat diusahakan anak tempatan yang bermula di rumah, mampu diperluaskan hingga peringkat antarabangsa.

Menggunakan nama Ryverra, Estana dan Reevo untuk keluarannya, Ryverra Chocolate & Confectionery Sdn Bhd yang ditubuhkan pada 2008, kini mempunyai 23 produk, semuanya diperbuat daripada coklat tempatan.

Dengan tunjuk ajar agensi kerajaan seperti Lembaga Koko Malaysia, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Rural Business Challenge (RBC), syarikat itu yang diasaskan pada 2008, terus

mengembangkan perniagaan berdasarkan coklat.

Selaras membeli premis di Ampang Jaya, Selangor pada 2010, syarikat itu tidak lagi menoleh ke belakang dan berkat kesungguhan, kini mempunyai 15 pekerja tetap dan mampu mengeluarkan empat tan coklat dan satu tan segmen minuman sehari.

“Syarikat mampu memperoleh RM1 juta setahun dengan dibantu kesedaran rakyat Malaysia membabitkan kebaikan produk coklat dan perkembangan ini juga atas faktor usaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB),” kata Pengarah Eksekutifnya, Sharil Omar.

Syarikat itu yang mengambil bahagian pada Karnival Usahawan Desa Putrajaya 2019 (KUD@KPLB Putrajaya) di sini, mengakui kerajaan banyak membantu kejayaannya, termasuk menyertai banyak pameran di luar negara.

“Kami berjaya menembusi pasaran Arab Saudi dengan nilai eksport RM300,000. Malah, menjelang hujung tahun depan, kami berharap dapat menggandakan nilai eksport sehingga RM1 juta,” katanya.

Sebagai usahawan luar bandar, Sharil berterima kasih kepada agensi kerajaan yang banyak membantu dengan pengurusan pameran sehingga membuka peluang untuk mengembangkan pasaran produk di dalam dan luar negara.

Beliau menyasarkan untuk memperluaskan lagi pasaran ke luaran syarikatnya ke seluruh negara kerana buat masa ini masih terhad di sekitar Lembah Klang.

“Kami juga mahu menembusi pasaran Indonesia kerana dengan penduduk yang ramai, pasti ia memberi pulangan yang tinggi kepada syarikat,” katanya.



Mohamad Daud bersama Chef Aida Ibrahim menunjukkan pastri dan aiskrim berdasarkan durian Ezy Classic Product.



Usawahan mempromosikan produk jualan mereka pada hari terakhir KUD@KPLB.



Sharil (kanan) bersama Eksekutif Jualan Ryverra Chocolate & Confectionery Muhamad Nasrul menunjukkan produk coklat syarikat mereka.



Pelbagai produk usahawan desa dijual pada KUD@KPLB.